



Suasana Expo Asas Pembudayaan Keusahawanan ( APK ) sesi 2014, di tapak meletak kenderaan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah.

# APK Platform Cungkil Bakat Pelajar

oleh: Wilfred Dongki

ISNIN, 28 APRIL - Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) kali yang ke-10, berlangsung selama dua hari di perkarangan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada sesi pertama mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pelajar, dan turut dimeriahkan lagi dengan kedatangan daripada

orang luar dan pelancong. Ekspo tersebut yang bertemakan "Live Simply, Big Dream" yang mana merupakan platform bagi para pelajar untuk mencungkil dan mengasah bakat mereka dalam bidang Perniagaan.

Menurut Prof. Dr. Vincent Pang, pelajar pada masa ini

amat memerlukan kemahiran insaniah untuk bersaing dan dalam menempuhi dunia pekerjaan di masa akan datang. "Penyertaan dalam Ekspo ini tidak terhad kepada pelajar jurusan Ekonomi sahaja tetapi, terbukti juga bahawa pelajar daripada jurusan yang lain berani untuk mengharungi cabaran ini bersama-sama dengan mengikuti Ekspo ini," katanya ketika majlis perasmian Ekspo APK.

Tambah beliau lagi, melalui penyertaan dalam Ekspo ini pelajar dapat memperlihatkan kreativiti dan inovatif mereka dalam menghasilkan produk makanan dan perkhidmatan.

"Ekspo ini dapat menjadi satu platform bagi para pelajar untuk mencungkil bakat mereka dalam bidang perniagaan disamping dapat menimba ilmu sebagai bekal pada masa hadapan mereka," tambahnya lagi.

Ekspo ini telah berlangsung sehingga 6 Mei dan mendapat penyertaan daripada 182 kumpulan pelajar yang terlibat dalam pelajar jurusan sastera.